

Teknik Hafazan Al-Quran Pra Sekolah Menerusi Aplikasi Digital

Al-Quran Memorization Techniques for Pre School Use in Digital Applications

Safinah Ismail

Universiti Islam Selangor (UIS), Malaysia
safinah@kuis.edu.my

Nor Musliza Mustafa

Universiti Islam Selangor (UIS), Malaysia
normusliza@kuis.edu.my

Syarul Azman Shahrudin

Universiti Islam Selangor (UIS), Malaysia
syarulazman@kuis.edu.my

Mardhiah Yahaya

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia
mardhiah@usim.edu.my

Khairul Syafiq Razali

Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Damai, Malaysia
khairulsyafiqrazali12@gmail.com

ABSTRAK

Pendidikan hafazan al-Quran yang menjadi salah satu cabang ilmu yang penting dalam kehidupan umat Islam kini. Pemeliharaan terhadap kesucian al-Quran akan meningkatkan lagi keimanan dan ketakwaan individu terhadap Allah SWT dan diterjemahkan melalui akal fikiran dan tindakan. Sehingga kini banyak teknik yang digunakan bagi tujuan pemeliharaan tersebut baik dari peringkat usia muda hingga dewasa. Oleh itu, objektif utama kajian ini bertujuan untuk mengkaji teknik hafazan al-Quran peringkat pra sekolah dalam aplikasi digital. Metodologi penyelidikan yang digunakan adalah analisis deskriptif melalui kaedah analisis kandungan. Data

yang dikenal pasti, dikumpul dan dianalisis daripada sumber bertulis dan bercetak sedia ada seperti jurnal, tesis dan sebagainya. Dapatan kajian menemukan sebanyak 11 teknik hafazan al-Quran iaitu mendengar, mempelajari, membaca, menunjuk, memahami, memadan, melukis, menyebut, mengingat, serta mengulang dan menulis. Secara keseluruhannya, teknik hafazan ini bersesuaian dengan perkembangan kognitif kanak-kanak. Pada masa yang sama, dapat membentuk generasi huffaz yang berkualiti dan berkemajuan mengikut peredaran zaman.

Kata kunci: Teknik Hafazan al-Quran; Pra sekolah; Aplikasi digital

ABSTRACT

One of the most important topics of research in al-Quran education is the memorization of the Quran, which is the research's primary topic of focus. It appears through rational thought and actions to uphold the purity of the Quran, which would further increase the individual's faith and piety towards Allah SWT. Many different methods are still in use nowadays for the purpose of preservation, from childhood to adulthood. So therefore, the primary objective of this research is to look into how to encourage preschool children to memorise the Quran using digital tools. Descriptive analysis along with content analysis is the research methodology used. Data was obtained, gathered, and analysed through published, written sources including thesis and journals. Ten different Quran memorization techniques were identified by the study's findings, including listening, learning, reading, pointing, understanding, erasing, drawing, mentioning, remembering, and writing. Overall, memorization techniques that are researched in line with the cognitive growth of preschoolers and contemporary learning are more effective and engaging, and they can help raise a generation of huffaz who are of outstanding quality and keep in tune with the times.

Keywords: Al-Quran memorization techniques; Preschool; Digital applications

PENGENALAN

Al-Quran merupakan kalam Allah yang diturunkan kepada nabi Muhammad SAW sebagai wahyu yang mengandungi panduan untuk membimbing kehidupan seharian manusia dan merupakan mukjizat yang membuktikan kenabian baginda. Dua ciri utama yang menjadikan ayat-ayat dalam al-Quran sangat istimewa kerana ia menitikberatkan aspek kebenaran dan fakta serta mementingkan tujuan dan sasaran daripada pemaparan kisah dalam ayat-ayat al-Quran (Chakim, 2018). Kitab istimewa yang diturunkan ini sesuai dengan tuntutan untuk dibaca, difahami dan diamalkan (Surah al-'Alaq 96:1-5) malah dituntut untuk menghafal keseluruhan atau sebahagian ayat-ayatnya bagi menjamin pemeliharaan al-Quran dari sebarang bentuk penyelewengan sehingga hari kiamat.

Seterusnya, hafazan al-Quran menjadi satu cabang ilmu yang utama dalam pendidikan al-Quran (F. Z. Ismail et al., 2020). Dalam kitab Tafsir *Taisir al-Quran al-Karim* (Al-Sa'diyy, 2003), ada menjelaskan tentang kepentingan hafazan al-Quran bagi menjadi hujah atau bukti yang kuat kepada golongan yang ingkar terhadap al-Quran. Tambahan pula ianya akan membentuk generasi yang mengaplikasi nilai-nilai Islam dalam diri mereka (Suryabudi et al., 2022). Pendidikan hafazan al-Quran bermula sejak zaman nabi Muhammad SAW melalui penurunan wahyu yang pertama oleh Malaikat Jibril AS kepada baginda. Sejarah pengajaran al-Quran berbentuk hafazan dapat diteliti ketika Allah SWT memerintahkan Jibril AS mengajarkan al-Quran dengan mengulang-ulang ayat 1-5 dari surah al-'Alaq kepada baginda (Hussin et al., 2021). Pada waktu itulah berlaku proses pengajaran hafazan al-Quran secara *talaqqi* dan *musyafahah* antara Jibril AS yang berperanan sebagai guru dan nabi SAW sebagai murid. Seterusnya baginda menyampaikannya pula kepada para sahabat dan diikuti pula para *tabi'in*. Hal ini bertepatan dengan firman Allah SWT yang bermaksud: "Kami akan sentiasa membacakan (al-Quran yang diturunkan dengan perantaraan Jibril AS) kepadamu, sehingga engkau (wahai Muhammad) tidak lupa (menghafaznya)" (Surah al-A'la 87:6).

Sarjana Islam, Khaldun (2000) dalam kitabnya menyatakan bahawa kanak-kanak pada peringkat awal perlu mempelajari dan membaca al-Quran kerana ia akan menanamkan benih-benih keimanan dalam jiwa mereka. Menyedari akan kepentingan hafazan al-Quran sejak dari usia kecil, perkembangan pendidikan Tahfiz di Malaysia terus meningkat (Darul Quran JAKIM, 2018) bagaikan cendawan tumbuh selepas hujan dengan munculnya institusi pendidikan tahfiz secara khusus bermula peringkat pra sekolah hingga pendidikan tinggi dan umumnya institusi tahfiz swasta bagi masyarakat awam (Hasrinafasya et al., 2023). Penubuhan pusat tahfiz dilihat memberi impak dan sumbangan yang besar dalam membantu masyarakat untuk mendidik kanak-kanak seawal usia 4 hingga 6 tahun. Hal ini demikian kerana terdapat pendedahan kepada pendidikan asas yang menekankan pembelajaran secara mendengar, membaca, menulis, mengeja dan sebagainya. Ianya selaras objektif kurikulum standard pra sekolah kebangsaan yang ingin dicapai dalam Komponen Pendidikan Islam (KPI) bawah tunjang kerohanian iaitu mengenali al-Quran dan menghafaz surah pendek dan doa harian (Madar & Othman, 2022). Justeru, ia akan menjadi pelengkap kepada pendidikan kanak-kanak khususnya pada usia pra sekolah di samping menjamin kecemerlangan akademik dan sahsiah.

Sinergi pendidikan hafazan al-Quran sedia ada dengan alatan produktiviti (*productivity tools*) moden sesuai dalam membantu penghafalan al-Quran terutama bagi murid pra sekolah yang lebih tertarik dengan pembelajaran interaktif (Misnan et al., 2022). Pemeraksanaan teknik hafazan yang baik menggunakan alatan dan perisian teknologi moden akan meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran seterusnya bagi mencapai matlamat dan objektif yang berkesan. Justeru, objektif

kajian ini dilakukan untuk membicarakan tentang teknik hafazan al-Quran peringkat pra sekolah yang boleh digunakan menerusi aplikasi digital.

PERMASALAHAN KAJIAN

Pembelajaran hafazan al-Quran dalam perkembangan semasa menghadapi satu cabaran yang besar kerana memerlukan disiplin diri, daya ingatan serta teknik menghafaz dan mengingat yang sistematik (Mat et al., 2020). Kebiasaannya setiap institusi tahfiz cenderung untuk mengaplikasikan teknik konvensional bagi hafazan al-Quran iaitu menggunakan teknik pengulangan ayat menggunakan mashaf al-Quran. Isu kaedah pengajaran ini sering dianggap ketinggalan dan ia menjadi faktor kepada masalah pembelajaran murid (Hussin et al., 2022). Banyak teknik dan kaedah hafazan yang diperkenalkan sama ada secara tradisional mahupun moden. Melihat kepada kemajuan peradaban dan perkembangan teknologi moden, bidang teknologi pendidikan tahfiz masih kurang diterokai (Darul Quran JAKIM, 2018) sedangkan penggunaan teknologi pada masa kini tidak asing lagi kerana manfaatnya yang begitu banyak di samping ia dapat menarik minat murid pra sekolah yang cenderung kepada pembelajaran interaktif dan inovatif (Hassan et al., 2022). Sehubungan dengan itu, guru-guru hafazan bagi peringkat pra sekolah perlu menggunakan dan melaksanakan kaedah moden yang lebih kreatif dan bersifat holistik bagi merealisasikan sistem pendidikan abad ke-21 dalam menjadikan pembelajaran digital sebagai salah satu ciri yang perlu ada dan mengikut kehendak Kementerian Pendidikan ke arah pembelajaran digital (Sapiuddin et al., 2022).

SOROTAN LITERATUR

Menurut Mustafa et al. (2021) dalam kajiannya yang bertajuk "*Development and Alpha Testing of EzHifz Application: Al-Quran Memorization Tool*", pembelajaran hafazan al-Quran menghadapi satu cabaran yang besar oleh semua peringkat umur. Maka kajian dijalankan untuk menyelidik tentang pembangunan dan ujian alfa yang dilakukan terhadap aplikasi mudah alih "EzHifz" untuk hafazan al-Quran berdasarkan gaya pembelajaran VARK (*Visual, Auditory, Reading, Kinesthetic*). Metode kajian yang digunakan adalah model ADDIE (*Analysis, Design, Develop, Implement, Evaluate*) meliputi fasa-fasa analisis, reka bentuk, pembangunan, pelaksanaan dan penelitian. Berdasarkan hasil dapatan kajian, aplikasi digital EzHifz dilihat memenuhi keperluan reka bentuk dan pembangunan berdasarkan sistem data yang dinilai. Gabungan teknik mengingat dalam aplikasi digital ini membantu mengukuhkan penggunaan gaya pembelajaran VARK yang sering diguna pakai. Malahan ia menyumbang kepada proses hafalan al-Quran yang lebih lancar dan mengekalkan hafalan para hafiz atau hafizah.

Seterusnya, Sulaiman (2021) telah membuat satu kajian iaitu "*Kaedah Hafazan Alternatif Program Ulul Albab Di Maktab Rendah Sains MARA*". Dalam kajian tersebut menjelaskan keperluan penambahbaikan terhadap kaedah hafazan yang digunakan bagi memperkasa prestasi hafazan pelajar. Oleh itu, kajian tersebut bertujuan mengkaji pelaksanaan kaedah hafazan alternatif dalam program Ulul

Albab di sebuah institusi pendidikan menengah iaitu Maktab Rendah Sains MARA (MRSM). Metodologi kajian dijalankan secara kaedah campuran dengan data yang diperolehi secara kualitatif dan disokong oleh data kuantitatif. Implikasi kajian membolehkan penambahbaikan kepada pelaksanaan kaedah hafazan alternatif iaitu kaedah Nadi dan Jibril. Justeru rumusan modul yang diketengahkan dapat dijadikan panduan dan rujukan kepada semua pihak yang ingin terlibat dengan hafazan al-Quran khususnya MRSM Ulul Albab dan institusi tahfiz yang lain.

Di samping itu, kajian yang bertajuk "*Kaedah Pujian Dan Penghargaan Dalam Pembelajaran Al-Quran Bagi Kanak-Kanak Pra Sekolah*" oleh Hamid & Hamzah (2021) menerangkan bahawa teknik pujian dan penghargaan seperti memberi kata-kata positif atau memberi hadiah apabila murid dapat menguasai ayat dan huruf, memberi tepukan selepas murid dapat membaca dengan betul dalam pendidikan hafazan al-Quran merupakan tindakan yang secara tidak langsung memberi semangat dan galakan kepada murid. Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti kaedah pujian dan penghargaan dalam pembelajaran al-Quran bagi kanak-kanak pra sekolah. Kaedah kajian yang digunakan bersifat kualitatif dalam menganalisis kesesuaian kaedah tersebut. Hasil kajian menunjukkan kaedah yang berbentuk pujian dan penghargaan perlu diaplikasikan oleh guru bagi memperkasa hafazan al-Quran dalam kalangan murid. Maka diharapkan kajian ini diterapkan oleh golongan pendidik bagi penambahbaikan dalam pelaksanaan pengajaran al-Quran.

Daud et al. (2022) dalam kajiannya, "*Persepsi Pelajar Terhadap Penggunaan Gamifikasi Tahfiz Global Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Subjek Muraja'ah al-Quran*" menerangkan tentang penggunaan teknologi yang mampu dijadikan alternatif dan solusi kepada masalah pembelajaran al-Quran. Kajian ini membahaskan kaedah pengajaran baru berbentuk gamifikasi dilihat lebih kreatif dan inovatif dalam mempengaruhi golongan gen Z. Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti persepsi pelajar terhadap penggunaan Gamifikasi Tahfiz Global dalam pengajaran dan pembelajaran yang dilakukan di kelas dan implikasinya terhadap subjek muraja'ah al-Quran. Bentuk kajian yang dijalankan adalah kajian deskriptif dengan pencampuran pendekatan kuantitatif iaitu pengedaran boring soal selidik dan disokong dengan kualitatif melalui analisis dokumen. Pada akhir kajian, objektif kajian yang diletakkan berada pada tahap yang baik. Penggunaan produk ini dilihat antara satu bentuk pendidikan yang interaktif dalam memartabatkan al-Quran sebagai panduan dan bimbingan dalam kehidupan seharian manusia.

Kesimpulannya, kajian-kajian lepas menjelaskan beberapa kaedah hafazan dalam pengajaran tahfiz al-Quran yang telah dilakukan antaranya teknik yang melibatkan teknologi moden, teknik yang ditambahbaik mengikut kesesuaian murid serta teknik atau kaedah yang diketengahkan sarjana terdahulu. Daripada sudut perspektif yang berbeza, kajian lepas menunjukkan sebahagian teknik yang diperkenalkan boleh dijadikan alternatif bagi peringkat pra sekolah agar berlaku pembaharuan dan kreativiti pembelajaran tahfiz al-Quran kanak-kanak seawal usia 4 tahun.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan satu penyelidikan kualitatif berbentuk analisis deskriptif dengan menggunakan kaedah kajian berupa analisis dokumen untuk mengkaji teknik hafazan al-Quran peringkat pra sekolah dalam aplikasi digital. Menurut Berawi (2017), beliau menjelaskan bahawa hasil penyelidikan kualitatif lazimnya ditampilkan dalam bentuk laporan penceritaan atau andaian sahaja, dan ianya tidak memerlukan sokongan maklumat berbentuk data-data berstatistik seperti kajian kuantitatif.

Data kajian yang digunakan adalah penganalisan data tematik melalui analisis dokumen daripada buku, jurnal, artikel, laporan penyelidikan dan lain-lain lagi. Dalam kajian ini, kaedah pengumpulan data akan dilakukan melalui pengumpulan data tekstual untuk mendapatkan maklumat dan informasi daripada satu jenis kaedah iaitu kaedah sekunder berupa sumber bertulis seperti buku, tesis, jurnal, artikel, laporan dan kitab-kitab tafsir muktabar. Setelah proses pengumpulan data berlaku, penyelidikan akan dilaksanakan dengan menggunakan analisis deskriptif untuk menganalisis data-data yang telah dikumpulkan.

PENGUNAAN APLIKASI DIGITAL

Pada era globalisasi ini, ledakan teknologi membawa perubahan yang besar dalam kehidupan seharian manusia (Samsuddin & Yusof, 2020). Peredaran zaman dari semasa ke semasa menyaksikan revolusi teknologi moden yang semakin canggih dan efisien dalam memudahkan pelbagai perkara lebih-lebih lagi dalam aspek pendidikan. Menurut Baharudin et al. (2021), penggunaan teknologi dalam sistem pendidikan semakin berkembang luas kerana ia mengetengahkan cara pengajaran dan pembelajaran yang interaktif antara guru dan murid. Ia juga mengubah cara manusia belajar (Rabiman et al., 2020) kerana murid boleh menghadiri kelas dan mengakses bahan belajar di mana-mana sahaja tanpa perlu berada di sekolah dengan syarat mempunyai capaian Internet yang bagus.

Aplikasi digital adalah satu perangkat lunak (*software*) yang beroperasi pada sistem tertentu dan biasanya digunakan dalam telefon pintar. Kebanyakan institusi pendidikan dan tahfiz sudah mula memaksimumkan penggunaan medium teknologi seperti aplikasi digital ini dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) (S. Ismail et al., 2022). Buzdar & Farooq (2020) menyatakan bahawa penggunaan aplikasi digital dalam telefon mudah alih membantu murid dalam proses mendengar dan menghafal al-Quran mengikut jadual mereka sendiri. Hal ini menunjukkan integrasi teknologi bermultimedia berkesan, sistematik dan mudah digunakan oleh murid-murid, terutamanya bagi murid pra sekolah kerana ia melibatkan perkembangan kemahiran motor dan sensori kanak-kanak melalui paparan gambar bergerak dan warna yang menarik. Antara aplikasi digital yang sesuai digunakan oleh mereka adalah Fun-Q, Juz Amma, Hafiz Series, Cerdik dan Faham Al-Quran, Ez-Hifz, Mengaji, Quran For Kidz, dan lain-lain lagi.

KEPELBAGAIAN TEKNIK HAFAZAN AL-QURAN

Terdapat banyak kajian lepas yang membincangkan tentang teknik ataupun kaedah hafazan al-Quran. Dalam konteks aktiviti hafazan itu sendiri, penguasaan kanak-kanak terhadap aktiviti ini memerlukan teknik pembelajaran tertentu (Zin et al., 2021). Kemahiran kognitif kanak-kanak dalam pendidikan Islam diberi penekanan bagi pengembangan pemikiran yang menghasilkan nilai positif dalam kehidupan.

Pada bahagian ini, kajian akan membincangkan secara khusus teknik hafazan al-Quran bagi peringkat murid pra sekolah menerusi aplikasi digital. Sebanyak 11 teknik hafazan yang diketengahkan bagi membantu menguatkan hafazan kanak-kanak pra sekolah iaitu mendengar, mempelajari, membaca, menunjuk, memahami, memadan, melukis, menyebut, mengingatkan dan mengulang dan menulis.

1. Mendengar

Teknik mendengar adalah satu aktiviti yang menggunakan deria telinga sebagai elemen auditori dan merupakan gaya pembelajaran VARK yang sering diaplikasi oleh murid dalam pembelajaran hafazan al-Quran (Mustafa et al., 2018). Ia dilakukan melalui pendekatan mendengar bacaan guru, rakan, bacaan sendiri dan bacaan yang direkodkan oleh qari dalam aplikasi digital.

Pengkaji ingin memfokuskan teknik mendengar daripada bacaan yang direkodkan dalam aplikasi digital. Melalui aplikasi digital yang diperkenalkan, murid boleh memilih bacaan Qari untuk membaca petikan ayat al-Quran tertentu dan murid meneliti bacaan yang dibaca berserta penghayatan kepada tajwid yang betul. Seterusnya murid akan menyusuli dengan mengikuti bacaan ayat al-Quran tersebut dan meneruskan ayat selepasnya. Melalui cara ini, ianya dapat membantu murid agar lebih lancar dalam mengingatkan hafalan (A. H. Abdullah et al., 2005).

Setelah itu, guru pula boleh mendengar dan meneliti bacaan murid. Semasa kaedah ini dilakukan, kedudukan guru perlulah bersemuka atau berhampiran dengan murid agar bacaan yang dibaca didengari dengan jelas. Begitu juga murid dikehendaki membaca dan menghafaz dengan suara yang terang dan nyata. Selain teknik ini dilakukan secara individu, guru juga boleh melaksanakan teknik ini dalam kelompok kumpulan kecil. Tambahan pula, murid perlulah mendengarkan hafazan ayat al-Quran tanpa melihat mashaf. Dalam keadaan ini, pengulangan oleh murid dan pentaksiran daripada guru akan memperkasa mutu hafazan murid berkenaan.

2. Mempelajari

Seiring perkembangan teknologi moden, mempelajari sesuatu perkara tiada halangan kerana segala maklumat dapat diperolehi dengan mudah dan cepat hanya di hujung jari. Letusan teknologi maklumat hasil daripada kemunculan Internet dan aplikasi mudah alih membentuk satu revolusi yang mengubah segalanya. Dalam pendidikan hafazan al-Quran, teknik mempelajari dapat dilakukan dengan perantaraan kemudahan tersebut, lebih-lebih lagi murid dapat mempelajari dengan

lebih mendalam tentang makna ayat-ayat al-Quran dan konteks ia diturunkan (Yusuff et al., 2021). Kebanyakan aplikasi digital zaman sekarang lengkap dengan tafsiran ayat dan *Asbabun nuzul* hasil rakaman dan penulisan yang direkodkan.

Begitu juga teknik ini dapat digunakan oleh murid pra sekolah untuk mengetahui secara terperinci hukum-hukum tajwid daripada ayat al-Quran yang dibaca dan dihafaz dalam aplikasi digital (Hilmi et al., 2017) kerana hukum membaca al-Quran dengan bertajwid adalah fardu ain. Hal ini demikian akan menambah nilai kepada ilmu pengetahuan hafazan al-Quran di samping melancarkan bacaan ayat-ayat al-Quran ketika melakukan proses hafalan.

3. Membaca

Selain itu, antara teknik hafazan yang biasa digunakan adalah teknik pembacaan secara tartil. Teknik ini penting untuk memelihara hukum tajwid sama ada bacaan yang dibaca melihat mashaf ataupun secara hafazan (Zakaria & Samah, 2022). Penggunaan aplikasi digital mampu membantu murid membaca satu per satu kalimah yang sukar dan ayat yang ingin dihafaz dengan menekan paparan skrin dan menanda tempat terakhir yang dibaca.

Tambahan pula, teknik membaca dengan cara membaca ayat-ayat yang ingin dihafaz dalam solat dapat membantu murid mengulang hafazan. Dalam masa yang sama, murid boleh merutinkan pembacaan menggunakan intonasi suara yang sama kerana ia membantu dalam membetulkan dan melancarkan bacaan. Malahan, ayat-ayat yang dibaca dengan betul dan lancar akan lebih mudah dihafaz kerana ayat-ayat yang diturunkan Allah SWT adalah dengan lafaz yang mudah dibaca (Darul Quran JAKIM, 2019)

4. Menunjuk

Pada era globalisasi ini, telefon pintar merupakan gajet yang sering digunakan oleh murid pra sekolah seawal usia empat tahun (Samsuddin & Yusof, 2020). Sehubungan dengan itu, pemeraksanaan hafazan al-Quran dapat ditingkatkan jika murid dibimbing dan diberi kawalan sebaiknya dalam penggunaan gajet tersebut. Dalam konteks hafazan al-Quran murid bersama guru, para guru hendaklah memaksimumkan produktiviti aplikasi moden zaman sekarang dengan sentiasa mendedahkan murid kepada aplikasi digital hafazan seperti aplikasi Ez-Hifz, aplikasi Huffaz-M, Smart Quran dan sebagainya.

Seterusnya ketika mengadakan sesi hafazan bersama murid sama ada secara panggilan video atau bersemuka, guru boleh menggunakan alat penunjuk laser berwarna untuk menekan item yang diperlukan seperti tafsiran ayat dan hukum tajwid dalam aplikasi hafazan tersebut. Hal ini dapat membantu murid untuk menguatkan hafazan serta fokus kepada kedudukan bacaan dan ayat al-Quran yang ingin dihafaz (Hasan et al., 2022). Teknik ini juga lazim digunakan pada zaman sebelum perkembangan teknologi moden berlaku dengan penggunaan alat penunjuk

seperti penanda buku, pembaris dan sebagainya atau jari untuk menunjuk setiap huruf dan kalimah yang dibaca.

5. Memahami

Menurut Sulaiman (2018), teknik memahami makna ayat sebelum mula menghafaz membantu memudahkan teknik menghafaz lebih-lebih lagi bagi kanak-kanak pada usia muda. Perkembangan aplikasi digital mampu menyelesaikan permasalahan dalam memahami makna ayat-ayat al-Quran dan ianya sesuai dipraktikkan oleh golongan muda dan dewasa yang mempunyai sedikit pengetahuan tentang Bahasa Arab.


Lazimnya aplikasi digital yang wujud ada menyediakan ruang untuk mencari tafsir ayat dan *Asbabun nuzul* daripada pandangan dan pendapat sarjana muktabar yang dimuat turun. Dengan teknik ini, penghafaz al-Quran dapat membuat satu gambaran tentang ayat yang ingin dihafaz lebih-lebih lagi jika ayat al-Quran tersebut berkaitan kisah (Hilmi et al., 2021). Walaupun bahasa pengantar yang digunakan adalah dalam bahasa Arab, namun dengan bantuan tafsir dan terjemahan bahasa Melayu dalam aplikasi digital mampu membantu murid untuk memahami ayat-ayat yang dibaca.

6. Memadan

Kecanggihan teknologi moden pada masa kini banyak membantu murid mengekalkan hafazan secara sistematik (Daud et al., 2022). Beberapa aplikasi digital dilihat mempunyai paparan yang menarik dengan fitur tambahan yang menjadikan pembelajaran hafazan al-Quran lebih interaktif. Antara salah satu aplikasi yang mengetengahkan fitur istimewa seperti ini adalah aplikasi Fun-Q.

Rajah 1: Antara Muka Paparan Gambar Dengan Padanan Nama Surah Yang Betul





Aplikasi ini mempunyai antara muka yang melalui proses tertentu dari setiap butang ke butang lain. Terdapat paparan antara muka surah yang membolehkan pengguna memadankan nama surah kepada gambar yang dipaparkan. Antara keistimewaan aplikasi ini adalah ia mempunyai butang ulang semula yang berfungsi untuk mengulang semula padanan surah dari paparan untuk melatih ingatan. Justeru pembangunan aplikasi yang mengaplikasi teknik memadan seperti ini dapat menarik minat kanak-kanak menggunakannya sekali gus meningkatkan fokus murid terhadap proses hafazan al-Quran (Z. Abdullah et al., 2020).

7. Melukis

Seiring dengan perkembangan teknologi zaman kini, ramai kanak-kanak terdedah kepada seni digital sama ada melalui aplikasi lukisan digital, aplikasi mewarna ringkas ataupun aplikasi lengkap yang lebih profesional. Medium ini memberi peluang kepada mereka apabila disinergikan dengan proses hafazan al-Quran untuk mengembangkan elemen visual yang dapat dilakukan menerusi aktiviti melukis gambar secara digital tentang ayat hafazan (Hasan et al., 2022)

Rajah 2: Antara Muka Paparan Melukis Gambar Secara Digital Dalam Aplikasi Fun-Q



Aplikasi seni digital yang mesra pengguna dan bersesuaian umur dan tahap kemahiran mereka menyumbang kepada pemantapan teknik hafazan. Lebih-lebih lagi teknik melukis yang diketengahkan bersama tafsiran setiap ayat seperti peta minda, objek-objek tertentu dan sebagainya mampu meningkatkan fleksibiliti dan memori motor kanak-kanak pra sekolah (Zin et al., 2021). Teknik pengajaran seperti ini menguatkan lagi proses hafazan dan dalam masa yang sama mereka dapat menghayati isi kandungan ayat al-Quran dalam konteks yang mudah.

8. Menyebut

Menyebut bacaan al-Quran menjadi salah satu teknik dalam pembelajaran. Menyebut adalah mengucapkan sesuatu dengan terang dan nyata sehingga didengari oleh pendengar. Dari perspektif guru, proses hafazan murid dapat berjalan lancar dengan bantuan guru menyebut sebutan awal kalimah terlebih dahulu dan seterusnya murid mendengar awal kalimah itu, mereka dapat melengkapkan setiap ayat dengan sempurna (Zaipudin, 2018).

Bagi kanak-kanak pra sekolah pula, teknik ini memerlukan sebutan yang jelas dan mengikut hukum tajwid yang betul. Proses pengekal hafazan ayat al-Quran dapat berlaku apabila murid tersebut boleh menyebut dengan baik huruf hijaiyyah, kalimah tunggal dan bersambung serta ayat al-Quran keseluruhannya (A. A. Abdullah et al., 2021). Bagi ayat-ayat yang sukar dihafaz, teknik menyebut kalimah atau ayat tersebut perlu digandakan supaya ia refleks pada lisan mereka (terbiasa dengan sendiri)

9. Mengingati

Pendidikan hafazan bagi peringkat kanak-kanak pra sekolah yang berusia dalam lingkungan 4 hingga 6 tahun adalah peringkat terpenting bagi membentuk perkembangan kognitif mereka untuk melangkah ke tahap seterusnya. Kajian Bloom (1964) menunjukkan pembinaan 80% potensi kecerdasan adalah pada peringkat umur pra sekolah. Sehubungan dengan itu, antara cara untuk merangsang kecerdasan kanak-kanak adalah dengan teknik mengingat.

Menurut Masuwai et al. (2023), aktiviti hafazan dalam konteks pendidikan Islam boleh diklasifikasikan di bawah kemahiran ‘mengingat’. Kebiasaannya teknik ini dilakukan secara berperingkat bermula dengan menghafaz ayat pertama sehingga ingat, kemudian disusuli dengan menghafaz ayat kedua sehingga ingat. Setelah itu, murid perlu membaca ayat pertama dan kedua tanpa melihat mashaf al-Quran bagi memastikan ayat yang dihafaz betul-betul sehati dalam ingatan mereka. Teknik tersebut memerlukan pengulangan beberapa kali sehingga murid mampu membaca dengan baik ayat-ayat al-Quran yang telah dihafaz.

10. Mengulang

Mengulang hafazan al-Quran memerlukan kesabaran yang tinggi kerana selain pancaindera mata, telinga dan mulut bekerja untuk menghafaz Al-Quran, tangan juga memainkan peranan penting untuk menguatkan hafazan. Mengulang hafazan terlebih dahulu dan menulis semula ayat al-Quran tanpa melihat mashaf adalah untuk menguji sejauh mana kuatnya hafazan murid (Zakaria & Samah, 2022). Kekeliruan ketika menulis ayat al-Quran menunjukkan hafazan tersebut masih belum dikuasai sepenuhnya. Maka murid perlu mengulang kaji kembali dengan menumpukan sepenuh perhatian pada tempat-tempat yang berlaku kekeliruan ketika menulis.

11. Menulis

Dalam pengembangan era teknologi moden, pemerksaan teknik penulisan menerusi aplikasi digital memudahkan pengesanan ayat al-Quran yang tidak tersusun, kesalahan ejaan atau hukum tajwid yang tidak betul (Z. Abdullah et al., 2020). Walaubagaimanapun, setelah selesai menulis, tulisan tersebut perlu disemak dengan membuka kembali mashaf al-Quran, bagi memastikan berlakunya proses penggambaran ayat ketika menghafaz. Dalam pada itu, guru perlu memastikan ianya bukan kesilapan besar seperti kesilapan pada ejaan yang terus merubah makna ayat, dan lebih baik jika tulisan mengikut susunan ayat al-Quran dalam mashaf serta bertepatan mengikut tempat *waqaf* dan *ibtida*’.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, pengkaji mendapati bahawa kajian lanjutan boleh dijalankan dalam skop bidang yang sama bagi menyelidik perspektif pendidikan al-Quran yang lebih luas. Pembelajaran tahfiz merupakan salah satu tuntutan fardu kifayah dan wajar dilaksanakan terhadap kanak-kanak pra sekolah sewal usia 4

tahun kerana mereka mempunyai kecerdasan yang lebih tinggi berbanding orang dewasa. Hal ini demikian kerana kanak-kanak bertindak aktif pada rangsangan, berinteraksi balas dengan orang sekeliling dan peka kepada keadaan sekeliling. Sehubungan dengan itu, guru-guru di sekolah boleh merangsang kecerdasan mereka melalui teknik-teknik yang diketengahkan melalui aplikasi teknologi moden. Kajian kualitatif terhadap teknik hafazan pra sekolah ini diharapkan dapat menjadi panduan dan pengajaran kepada semua penyelidik, guru, pelajar, masyarakat dan lain-lain untuk memastikan pemeliharaan kesucian al-Quran daripada sebarang perkara yang membawa kepada penyelewengan dan peningkatan huffaz yang profesional dan berjati diri.

PENGHARGAAN

Kajian ini dibiaya oleh Geran Penyelidikan dan Inovasi KUIS 2021 di bawah Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi, UIS. (2021/P/GPIK/GPZ-003).

RUJUKAN

- Abdullah, A. A., Ibrahim, A. A. C., Hasan, S. A., & Sabtu, M. (2021). Sistem Pembelajaran Dan Kaedah Hafazan Al-Quran: Satu Kajian Di Sekolah Menengah/Maahad Hafiz Jeram (Banat) Dan Maahad Tahfiz Sulaimaniyyah Kajang. *Jurnal 'Ulwan*, 6(1), 80-94.
- Abdullah, A. H., Salamon, H., Suratman, A. S., Noor, S. S. M., Jasmi, K. A., & Samat@Darawi, A. B. (2005). *Sistem Pembelajaran Dan Kaedah Hafazan Al-Quran Yang Efektif: Satu Kajian Di Kuala Lumpur Dan Terengganu*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Abdullah, Z., Jomhari, N., & Alias, N. (2020). Penggunaan Fail Huffaz Dalam Kaedah Tahfiz Akhyar Dan Hubungannya Dengan Pencapaian Hafazan Surah Al-Fatihah Terhadap Murid. *The Online Journal Of Islamic Education (O-JLE)*, 8(1), 51-60.
- Al-Sa'diyy, A. R. N. (2003). *Taisir al-Karim Ar-Rahmaan Fi Kalam al-Mannan*. Dar Ibn Hazm.
- Baharudin, S. M., Hani, A. H. A., Khalid, N. F., & Zainal, M. Z. (2021). Keberkesanan Aplikasi Al-Quran M-Pembelajaran Dalam Meningkatkan Pencapaian Hifz Al-Quran Dalam Kalangan Pelajar Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA). *Journal of Social Sciences and Humanities*, 18(9), 1823-1884.
- Berawi, F. M. (2017). *Metodologi Penyelidikan: Panduan Menulis Tesis*. UUM Press.
- Bloom, B. (1964). *Stability and Change in Human Characteristics* (John Wiley & Sons (ed.)).
- Buzdar, A. Q., & Farooq, M. (2020). Memorization of Quran through Mobile Application in the Era of Transformative Marketing. *Pakistan Journal of Social Sciences (PJSS)*, 40(2), 689-698.

- Chakim, L. (2018). *Kisah-Kisah Dalam Al-Qur'an (Studi Penafsiran Muhammad al-Ghazali Terhadap QS. Al-Kahfi dalam Nahwa Tafsir Maudu'i li Suwar al-Qur'an al-Karim)*. Universitas Islam Negeri Walisongo Semarang.
- Darul Quran JAKIM. (2018). *Perkembangan Pendidikan Tahfiz: Darul Quran Perintis Dinamik*. Darul Quran JAKIM.
- Darul Quran JAKIM. (2019). *Kaedah Hafazan Al-Quran Model Malaysia Teras Panduan Penghafaz Al-Quran* (Nordin Ahmad (ed.)). Darul Quran JAKIM.
- Daud, Z., Ahmad, A. M., Alias, N., & Ibrahim, N. (2022). Persepsi Pelajar Terhadap Penggunaan Gamifikasi Tahfiz Global Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Subjek Muraja'ah al-Quran. *JQSS-62 JQSS-Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*, 6(December), 62-78.
- Hamid, M. Z. A., & Hamzah, M. I. (2021). Kaedah Pujian Dan Penghargaan Dalam Pembelajaran Al-Quran Bagi Kanak-Kanak Pra Sekolah. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*, 1(2), 2021.
- Hasan, M. S. S., Pisol, M. I. M., Yahaya, M., Hamid, M. H. A., & Harun, Z. (2022). Pengukuhan Hafazan Al-Quran: Cabaran & Penyelesaian. *Jurnal Qiraat*, 5(2), 34-40.
- Hasrinafasya, S., Hassan, C., Nor, S., Shamsuddin, W., & Yusof, N. H. (2023). Towards Designing a Framework for Adaptive Gamification Learning Analytics in Quranic Memorisation. *PERTANIKA Journal of Science & Technology*, 31(1), 257-278.
- Hassan, S. N. S., Zainuzi, N. I. H. M., Asa, S. N. H. M., Zamzuri, S. N. A., & Zulkarnain, A. E. (2022). Teknologi Maklumat Dan Inovasi Dalam Pembelajaran Tahfiz Quran. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 7(50), 122-132.
- Hilmi, A. B. A., Saleh, M. H., & Mohamad, A. S. @. (2021). Kaedah Memahami Makna al-Quran dalam Pengintegrasian Ayat Hafazan dengan Ilmu Aqli. *Ulum Islamiyyah*, 33(3), 175-202.
- Hilmi, A. B. A., Zakaria, Z., Spawi, M., Roslan, A. N. T., & Khalid, M. K. (2017). Pembinaan Modul Pendidikan Al-Quran Untuk Pelajar Pintar Berbakat: Pendekatan Di Kolej Permata Insan. *International Journal of Islamic Studies*, 5(2), 20-31. www.al-qanatir.com
- Hussin, H., Ahmad, A. R., Saleh, M. H., & Haridi, N. H. M. (2021). Medium Pdpr Hafazan Al-Quran Semasa Covid-19: Analisis Penggunaan Teknologi Di Kalangan Pelajar Di Universiti Awam Dan Swasta. *Proceedings of the 7th International Conference on Quran as Foundation of Civilization (SWAT 2021)*, October, 911-926.
- Hussin, H., Ghani, A. R. A., Ahmad, A. R., Saleh, M. H., & Haridi, N. H. M. (2022). Dimensi Pelajar Terhadap Penggunaan Medium Teknologi Dalam Kursus Hafazan Al-Quran Semasa Covid-19: Kajian Terhadap Pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). *Jurnal Qiraat*, 5(1), 27-36.
- Ismail, F. Z., Yusof, N. H., Osman, A. F. A., Embong, R., Omar, N., Abdelgelil, M. F. M., Noor, M. N. M., Razali, M. A. M., & Rashid, R. A. (2020). Strategi

- Murajaah Al-Quran Bagi Huffaz Di Peringkat Tertiari. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3(4), 177-189.
- Ismail, S., Mustafa, N. M., Shahrudin, S. A., Sapiuddin, U. U., Yahaya, M., & Syafiq, K. (2022). Pembelajaran Tahfiz Pra Sekolah Berasaskan Multimedia. In M. A. Majid, W. Saidpudin, & J. M. Ghazali (Eds.), *Teknologi Dan Pendidikan Dalam Pembangunan Insan* (Cetakan Pe). Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).
- Khaldun, I. (2000). *Muqaddimah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Madar, M. A., & Othman, M. S. (2022). Penilaian Kurikulum Standard pra sekolah Kebangsaan (Semakan 2017) Komponen Pendidikan Islam. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 15(2), 75-82.
- Masuwai, A., Tamuri, A. H., Ismail, A. M., & Hussin, N. H. (2023). Kesesuaian Taksonomi Bloom dengan Bidang Hafazan al-Quran dalam Dokumen Standard Kurikulum dan KSSM Pendidikan Islam. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 6(2), 40-57.
- Mat, A. C., Adnan, W. A. S. W., Awang, A., & Jusoh, W. N. H. W. (2020). Tahap Amalan Kaedah Hafazan Al-Quran Dalam Kalangan Pelajar Program Al-Quran Imtiaz. *E-Journal of Islamic Thought and Understanding*, 1(May), 57-72.
- Misnan, N., Salleh, W. A., Manaf, S. M. A., Awang, A., & Mohamad, M. T. b. (2022). I-Tasmi' Tahfiz Apps Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Di Universiti. *Jurnal Pengajian Islam*, 15(special issue), 257-272.
- Mustafa, N. M., Mohamad, K. A., Zaki, Z. M., & Basri, M. (2018). Quran Memorization Method Based On VARK Learning Style (Kaedah Hafalan Al-Quran Berasaskan Kecenderungan Gaya Pembelajaran VARK). In *Isu-isu Semasa Islam dan Sains* (Issue February 2018, pp. 51-58). Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).
- Mustafa, N. M., Zaki, Z. M., Mohamad, K. A., Basri, M., & Ariffin, S. (2021). Development and Alpha Testing of EzHifz Application: Al-Quran Memorization Tool. *Advances in Human-Computer Interaction*, 2021, 1-10.
- Rabiman, R., Nurtanto, M., & Kholifah, N. (2020). Design and development E-learning system by learning management system (Lms) in vocational education. *International Journal of Scientific and Technology Research*, 9(1), 1059-1063.
- Samsuddin, A. R., & Yusof, H. M. (2020). Penggunaan Gajet Terhadap Perkembangan Kanak-Kanak pra sekolah. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 9(Special Issue), 113-126.
- Sapiuddin, U. U., Ismail, S., Mustafa, N. M., Baharuddin, S. A., Yahaya, M., & Razali, K. S. (2022). Analisis Kepentingan Aplikasi Digital Dalam Pembelajaran Hafazan: Satu Sorotan Literatur. *8th International Conference on Postgraduate Research (8th ICPR 2022)*, 19-27.
- Sulaiman, S. S. (2018). Kaedah Hafazan: Suatu Tinjauan Ringkas. *E-Journal of*

- Islamic Thought and Understanding*, 2(January), 44-59.
- Sulaiman, S. S. (2021). *Kaedah Hafazan Alternatif Program Ulul Albab Di Maktab Rendah Sains MARA*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Suryabudi, Y. A., Hendrian, Pratama, H. K., Abdullah, M. R., & Sabila, U. H. (2022). Pentingnya Pendidikan Al-Quran Pada Anak Usia Dini Di PPPA Raudhatul Jannah. *Jurnal Tsaqofah*, 2(1), 113-125.
- Yusuff, M. S. S., Haji-Othman, Y., & Isa, N. H. M. (2021). Tadabbur Al-Quran Menerusi Aplikasi Telefon Pintar (Mobile Apps) Quran Tadabbur Digital: Kajian Terhadap Surah Al-Hadid. *Jurnal Dunia Pengurusan*, 3(1), 142-149.
- Zaipudin, A. S. (2018). Hafazan Masrur Dalam Membantu Meningkatkan Minat Dan Penguasaan Murid Untuk Menghafaz Surah al-Adiyat. *Jurnal Pendidikan Islam Kontemporari*, 1(2018), 18-26.
- Zakaria, M. S., & Samah, N. A. A. (2022). *Model Hafazan Al-Quran Techno Huffaz PSA*. Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.
- Zin, S. M. M., Azizan, N. I., Ismail, S., & Mansor, F. N. (2021). Pendekatan Komunikasi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Hafazan Al-Quran Antara Dua Institusi Pra Tahfiz Di Selangor. *Jurnal Pengajian Islam*, 14(Special Edition), 74-89.